

# Chemital diiktiraf

Makmal UMP kedua dianugerahkan sijil ISO 14001:2004 selepas Cels

Metro (Selangor) pada 17/4/11 ms27

>>Oleh Ainal Marhaton  
Abd Ghani  
am@hmetro.com.my

**K**UANTAN: Makmal Pengujian Kimia dan Mikrobiologi (Chemital) Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Sumber Asli (FKKSA), Universiti Malaysia Pahang (UMP) dianugerahkan pensijilan ISO 14001:2004 selepas diiktiraf mematuhi piawaian antarabangsa bagi Sistem Pengurusan Alam Sekitar.

UMP muncul sebagai institusi pengajian tinggi awam (IPTA) pertama di negara ini menerima pengiktirafan berkenaan yang diintegrasikan bersama Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan (OHSAS 18001:2007 dan MS 1722:2005 Bahagian 1).

Naib Canselor UMP, Pro-

fesor Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim berkata, makmal berkenaan turut mendapat pengiktirafan Skim Akreditasi Makmal Malaysia dalam menawarkan kerja perkhidmatan pengujian terhadap sampel berasaskan dua bidang utama iaitu pengujian kimia dan mikrobiologi.

Beliau berkata, pengiktirafan itu selaras Pelan Strategik UMP 2011-2015 untuk menjadikan UMP peneraju dalam menyediakan perkhidmatan kepada industri terutama dalam menawarkan bidang kepakaran dan kemudahan di universiti berkenaan.

"Pengiktirafan ini memberi jaminan kepada industri terhadap mutu produk pengujian yang dijalankan tidak diragui, diakui iktiraf dan selamat.

"Aspek keselamatan ini amat ditekankan terutama dalam menguruskan bahan kimia berbahaya dalam makmal terutama membabitkan warga kerja dan pelajar yang menjalankan kajian," katanya.

Beliau berkata demikian dalam Majlis Penyampaian Sijil ISO dan IMS di UMP Kampus Gambang, baru-baru ini.

Dalam majlis berkenaan turut menyaksikan Dr Daing Nasir menerima sijil pengiktirafan MS ISO/IED 17025:2005 daripada Pengarah Bahagian Akreditasi, Jabatan Standard Malaysia, Shahrul Sadri Alwi.

Selain itu, beliau turut menerima sijil IMS (OSHAS: 2007) yang disampaikan Ahli Lembaga Pengarah Niosh Certification Sdn Bhd, Dr Sharudin Shari.

Dr Daing Nasir berkata, pengiktirafan itu juga memberi peluang kepada pengusaha industri kecil dan sederhana (IKS) menjalankan pengujian menggunakan kepakaran dan kemudahan di situ.

"Ini termasuk pengujian mikrobiologi seperti bahan produk kosmetik, ubatan tradisional dan bahan mandian.

Beliau berkata, kejayaan itu diharap dapat menarik minat pihak luar khususnya industri untuk menggunakan perkhidmatan makmal di UMP berdasarkan keupayaannya dalam menyediakan kemudahan serba lengkap.

"Chemitals adalah makmal kedua selepas kejayaan Makmal Fakulti Kejuruteraan Awam (Cels) yang menerima pengiktirafan ini tahun lalu," katanya.



IKTIRAF...Dr Sharudin (kiri) menyerahkan sijil kepada Dekan FKKSA, Profesor Madya Zulkafli Hassan (kanan) sambil diperhatikan Dr Daing Nasir.